

PENGENALAN KEPADA PORTFOLIO

Disediakan oleh :
Lt Kol (B) Hamid bin Awang
Fakulti Pendidikan dan Bahasa
Open University Malaysia
hamid_awang@oum.edu.my

Pengenalan

Faksafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjelaskan bahawa peranan pendidik adalah sebagai pemudahcara (fasilitator) kepada pelajar. Peranan ini memerlukan keterbukaan akal fikiran, kemahiran, hati nurani serta pemikiran yang rasional kearah memperkembangkan keupayaan potensi setiap pelajar dari segi intelek, jasmani, rohani, dan emosi. Pendidik adalah seseorang yang akan dapat menolong atau memudahcarakan pembelajaran pelajar. Terdapat beberapa kepentingan pelajar yang perlu diberikan perhatian oleh setiap pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pertama, pengalaman, kebolehan, dan kemahiran yang sedia ada dalam kalangan pelajar perlulah mendapat pengiktirafan oleh pendidik. Kedua, terdapatnya kebenaran bahawa setiap pelajar yang kita asuh mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Ketiga, kita juga perlu sedar bahawa setiap pelajar akan belajar mengikut kadar keupayaan sendiri dan bukan bergantung atau mengikut kadar pendidiknya. Oleh sebab itu, kita perlulah mengiktiraf dan sentiasa memberikan keutamaan pembelajaran yang bersifat keindividualan.

Penyelidikan telah membuktikan bahawa pembelajaran akan lebih berkesan dan bermanfaat sekiranya ia berasaskan pengalaman langsung atau tidak langsung pelajar itu sendiri. Pembelajaran yang menggunakan pengalaman langsung pelajar seperti pendekatan penyelesaian masalah, pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan pendekatan pembelajaran penyertaan akan memberikan impak yang positif dalam perkembangan kognitif, social, dan psikomotor. Kaedah-kaedah yang berasaskan pendekatan ini seperti kaedah projek, kaedah inkuiri (penemuan), kaedah penyelesaian masalah, perbincangan, dan lain-lain akan memberikan impak positif serta ruang pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang lebih spesifik serta bermatlamat. Keseluruhannya kesemua pendekatan dan kaedah yang dinyatakan adalah berasaskan pengalaman, refleksi dan pembelajaran pelajar itu sendiri berdasarkan tiga proses utama. Pertama, penggunaan keseluruhan pengalaman sedia ada pelajar sebagai sebahagian program pembelajaran. Kedua, penggunaan refleksi yang teratur serta dibimbing oleh pendidik bagi tujuan memperkukuhkan, mentafsir, dan melaksanakan penambahbaikan dalam konteks pembelajaran. Refleksi juga akan dapat memberikan ruang kepada pelajar membuat penafsiran dari segi teori, konsep, sikap, dan nilai yang berkaitan dengan proses pembelajaran yang diikuti. Ketiga, ialah mengenal pasti sebarang keperluan untuk pembelajaran yang spesifik sebelum pengalaman tambahan diperolehi. Proses ini juga jika diteliti amat berkait rapat dengan proses kedua iaitu refleksi. Ini memungkinkan bahawa penilaian perlulah dilakukan untuk memastikan setiap pembelajaran mencapai hasil yang ditetapkan.

Portfolio Bercetak

Portfolio bercetak ialah folder yang mengandungi himpunan segala maklumat dan bukti secara teratur yang dikumpul, disusun, dan dipaparkan oleh pelajar tentang pemerolehan sesuatu pengetahuan, keterampilan, kemahiran, sikap, nilai, kemahiran teknologi dan inovasi dalam proses pembelajaran. Setiap portfolio perlulah mengandungi bukti (*evidence*) bahawa pelajar

telah pun memperolehi dan bersedia untuk mengamalkan kemahiran, pengetahuan, kefahaman dan perubahan sikap serta nilai dalam proses pembelajaran yang dilaluinya. Ciri-ciri utama sesebuah portfolio akan menggambarkan keterampilan dan kebijaksanaan seseorang pelajar dalam proses pembelajaran berkaitan sesuatu bidang yang diikutinya.

Maklumat dan Kandungan Portfolio

Setiap Portfolio yang dihasilkan oleh pelajar perlulah mengandungi perkara-perkara berikut :

- Kemahiran dalam sesuatu bidang atau topik
- Pengetahuan yang berkaitan dengan sesuatu bidang atau topic.
- Kefahaman tentang bidang atau topic yang diseggarakan.
- Kemahiran teknologi maklumat dan inovasi
- Pencapaian yang merupakan hasil daripada :
 - Pemerhatian terhadap amalan
 - Perlakuan
 - Bukti dalam bentuk dokumen berkaitan tugas yang diselesaikan
 - Penulisan aktiviti yang telah dikendalikan
 - Sokongan bahan grafik termasuk penghurufan, cetakan, gambarajah, graf, jadual, peta minda, dan sebagainya.
 - Sokongan bahan lain yang difikirkan sesuai untuk mempengaruhi pembaca atau mereka yang mengendalikan bidang atau topic yang berkaitan.

Sumber bukti yang terdapat di dalam sesebuah portfolio perlulah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- Catatan, komen atau nota terperinci yang diberikan oleh pensyarah, mentor, ketua jabatan, atau sesiapa sahaja yang dipertanggungjawabkan tentang hasil pemerhatian terhadap peserta berasaskan kriteria yang telah ditetapkan.
- Hasil perlakuan atau pencapaian peserta, seperti memo dan laporan yang telah disempurnakan oleh peserta sebagai sebahagian daripada tugas yang telah ditetapkan. Ia boleh juga dalam bentuk himpunan konsep, strategi, kefahaman, pelaksanaan, dan penilaian terhadap tugas dalam sesuatu bidang atau topik.
- Bukti daripada pihak lain yang menyokong penghasilan peserta dalam bentuk laporan, memo, surat, penilaian dan pencerapan yang mempunyai kepakaran serta kemahiran dalam sesuatu bidang yang disempurnakan.
- Bukti yang diperolehi daripada hasil aktiviti tambahan seperti projek dan tugas yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab.

Kriteria Portfolio Yang Baik

Proses penaksiran dan pelaksanaan sesebuah portfolio akan menjadi lebih baik sekiranya ia disusun dan dirancang secara teratur. Kriteria utama sesebuah portfolio ialah perlu mudah difahami dan dibaca oleh audien berserta bukti kukuh terhadap pelaksanaan tugas yang berkaitan. Ia perlu mempunyai struktur yang jelas agar senang dan mudah diteliti oleh audien. Ini bermakna bahawa setiap portfolio yang disediakan oleh peserta perlulah mempunyai rasional serta kelogikan dan indeks saling rujuk dan silang rujuk (*cross reference*) antara sesuatu bukti yang dimuatkan dalam portfolio tersebut. Aspek-aspek yang perlu dimasukkan ke dalam sesuatu portfolio ialah seperti berikut :

- Maklumat peribadi peserta
- Senarai keterampilan, kriteria dan skop pencapaian yang perlu dicapai berdasarkan format yang telah ditetapkan.
- Indeks utama maklumat. Contohnya tentang lokasi penempatan dan pelaksanaan bukti aktiviti yang dijalankan.
- Pernyataan tentang unsur pelaksanaan aktiviti dan bukti yang kukuh menunjukkan wujudnya aktiviti yang seumpama.
- Bukti-bukti yang tersusun sama ada menggunakan bahan grafik, nota, ringkasan dan sebagainya.
- Maklumat tambahan secara penulisan yang merangkumi kesemua aspek atau skop bidang atau topik yang dibincangkan.
- Penjadualan aktiviti yang dirancang.
- Refleksi terhadap aktiviti atau pelaksanaan sesuatu aktiviti dalam bentuk pelaporan, ringkasan, dan sebagainya.

Senarai Semak Portfolio

Semua portfolio yang dihasilkan perlulah mengikuti empat peraturan asas dalam mengemukakan bukti-bukti yang berkaitan dengan sesuatu topik atau bidang yang dilaksanakan. Antara perkara penting ialah :

- **Kesahan.** Bukti perlulah merujuk secara langsung kepada standard pencapaian yang telah ditetapkan kepada peserta.
- **Authenticity.** Bukti yang melibatkan keupayaan sebenar peserta.
- **Terkini.** Bukti yang dikemukakan oleh peserta adalah terkini dan dalam konteks pelaksanaan sebenar.
- **Sufficient.** Perlu memastikan bahawa bukti yang telah dikumpul adalah mencukupi untuk membuktikan kebijaksanaan dan keterampilan peserta terhadap sesuatu bidang.

Bukti yang dinyatakan di atas amat berguna dan penting dalam usaha memastikan setiap peserta benar-benar memahami serta Berjaya menghayati bidang atau topik yang dibincangkan. Pembelajaran akan lebih bermakna sekiranya ia dilakukan dan dialami sendiri oleh peserta. Dalam konteks inilah setiap peserta perlu memahami dengan sebenar-benarnya perkara atau bidang yang dibincangkan. Dengan pencarian, pengukuhan, dan pemaparan bukti yang terkini setiap peserta akan benar-benar memperolehi ilmu bidang atau topik yang dibincangkan. Untuk memastikan setiap pelaksanaan bukti dalam portfolio adalah sesuai serta seiring dengan keperluan, maka perlulah suatu senarai semak disediakan. Senarai semak yang dimaksudkan merangkumi kesemua keperluan bukti sokongan portfolio. Antaranya ialah seperti yang terdapat di dalam jadual 1 berikut :

Jadual 1 : Senarai Semak Keperluan Portfolio

No.	Item	Ya	Tidak
1.	Adakah pengumpulan bukti memenuhi kehendak criteria bidang / topik ?		
2.	Adakah bukti yang dikumpul menunjukkan bagaimana skop situasi dirangkumi ?		
3.	Adakah bukti yang dikumpul relevan dengan keperluan unsure-unsur bidang/topik.		
4.	Adakah bukti yang diberikan secara jelas merujuk kepada kepada kerja peserta sendiri ?		
5.	Adakah terdapat kepelbagaian dalam bukti untuk menunjukkan tahap kebijaksanaan/keterampilan peserta ?		
6.	Adakah peserta telah menggunakan penaakulan dalam memberikan justifikasi mengapa sesuatu bukti dipilih ?		
7.	Adakah semua bukti yang dikumpulkan dan diapaparkan relevan dengan keperluan topik/bidang ?		
8.	Adakah setiap muka surat portfolio mempunyai system penomboran yang betul ?		
9.	Adakah system indeks dan bahagian-bahagian dalam portfolio mempunyai kelogikan ?		
10.	Adakah bahan bukti dipersembahkan dalam bentuk grafik, peta minda dan jadual ?		
11.	Adakah standard penyusunan dan persembahan membolehkan bukti difahami dengan mudah ?		

Senarai semak di atas sedikit sebanyak akan dapat membantu peserta memastikan setiap projek portfolio yang dilaksanakan menepati keperluan dan kehendak pihak tertentu. Bukti amat penting kerana ia akan menjadikan setiap bahan di dalam projek portfolio yang kita laksanakan benar-benar mapan dan berwibawa. Dengan kepesatan amalan serta penggunaan teknologi maklumat terkini bahan bukti yang dinyatakan akan lebih bermakna jika disediakan dan disajikan dalam bentuk pautan serta kombinasi bahan multimedia atau cetakan digital.

Penilaian/Penaksiran Bukti

Asas pentaksiran adalah penjanaan bukti oleh peserta untuk menunjukkan bahawa ia boleh mencapai criteria pentaksiran yang berkaitan dengan aspek yang dinilai. Bukti dinilai dan divarifikasikan oleh pentaksir/penilai untuk memastikan sama ada bukti mencukupi bagi melayakkan peserta untuk memperoleh markah yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, penilai/pentaksir perlulah memastikan :

- Pentaksiran mempunyai hala tuju atau focus. Ia perlu mengetahui tentang apa yang ditaksir dan membuat keputusan secara bijaksana berasaskan criteria portfolio yang telah ditetapkan.
- Tidak terdapat kesan “halo”. Contohnya seseorang peserta pada amnya telah menghasilkan sesuatu kerja yang baik maka diandaikan peserta berkenaan akan terus menghasilkan kerja yang baik.
- Penaksiran adalah berkait rapat dengan setiap hasil yang dipersembahkan oleh peserta dalam portfolionya.

- Penaksiran/penilaian perlulah telus tanpa ada sebarang prajudis atau prasangka.
- Penaksiran/penilaian dilakukan dengan cara yang berhemah dan setiap penilai atau penaksir sudah bersedia dengan panduan serta senarai semakan yang berkait rapat dengan bidang portfolio yang disempurnakan.

e-Portfolio

Perkembangan teknologi maklumat (ICT) terkini terutamanya internet telah memangkinkan penggunaan e-portfolio dalam pelbagai situasi sama ada di dalam bidang pendidikan, perniagaan, pengiklanan, dan lain-lain lagi. Keistimewaan yang ada pada injin perisian computer boleh mempelbagaikan persembahan menjadikan e-portfolio lebih mapan serta canggih berbanding portfolio bercetak. Seperti portfolio bercetak, e-portfolio juga adalah merupakan himpunan maklumat yang boleh dicapai dengan mudah. Himpunan maklumat ini bukan sahaja yang berbentuk grafik kekal tetapi juga boleh dalam bentuk grafik bergerak seperti animasi. Selain itu, e-portfolio juga dengan menggunakan injin perisian tertentu boleh diselitkan dengan unsur multimedia atau persembahan grafik secara digital. Inilah yang menjadikan e-portfolio lebih menarik perhatian jika dibandingkan dengan portfolio bercetak. Pautan dari satu halaman ke satu halaman dan dari satu nota ke satu nota ataupun paparan grafik dan animasi amat mudah dan selesa digunakan.

Kelebihan e-Portfolio

- Dengan menggunakan e-portfolio, kaedah pengumpulan maklumat serta penyusunan idea dan dokumen menjadi lebih mudah. Ini memungkinkan memudahkan seseorang untuk memasarkan perkembangan kerjayanya bagi tujuan kenaikan pangkat.
- Bahan-bahan artifak dan dokumen yang berkaitan juga boleh dikumpul dan disusun serta dipaparkan kepada mereka yang memerlukannya. Kemudahan tiga dimensi yang ada di dalam computer akan memberikan gambaran sebenar tentang sesuatu artifak ataupun dokumen.
- Menggalakkan individu bertanggungjawab dengan tugas melalui demonstrasi bukti-bukti pengajaran dan perkembangan kerjaya.
- Kaedah mudah untuk pencapaian dokumen dan artifak-artifak apabila diperlukan dengan kadar segera.
- Boleh berkongsi maklumat dan pengalaman serta kemahiran bersama rakan-rakan yang lain walaupun berjauhan. Apa yang penting di setiap tempat tersebut perlulah ada liputan internet.
- Kaedah mudah untuk menguruskan pengetahuan (knowledge management).
- e-portfolio akan dapat memberikan gambaran sebenar tentang sesuatu keadaan atau bahan artifak melalui keupayaan computer secara digital. Contohnya ombak besar Tsunami dapat dilihat dalam keadaan sebenar melalui tayangan video dalam komputer.
- Bahan, maklumat, artifak, dokumen, dan lain-lain yang bersangkutan akan mudah dipadam atau dipinda atau diubahsuai berdasarkan keperluan semasa.

Fungsi e-Portfolio

- **Menentukan pembelajaran.** Ramai kalangan pelajar yang kadangkala tidak ada kemahiran untuk menentukan jenis pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka.

- **Merakamkan pembelajaran.** e-portfolio yang digunakan akan dapat membimbing serta membantu pelajar untuk merakamkan setiap pembelajaran yang telah dilalui oleh seseorang pelajar.
- **Refleksi Pembelajaran.** Dengan menggunakan e-portfolio, setiap pelajar berupaya membina suatu kerangka refleksi terhadap pembelajaran yang dilaluinya. Refleksi ini penting untuk membuat penilaian dan perubahan.
- **Kesahan pembelajaran.** Kesahan pembelajaran dalam e-portfolio boleh dicapai melalui bukti dan evidence yang dipaparkan atau diberikan. Bukti dan varifikasi ini penting untuk menilai keterampilan dan kebijaksanaan pelajar.
- **Persembahan pembelajaran.** Dalam konteks ini, e-portfolio akan memberikan impak dari segi keupayaan pelajar mempersembahkan sesuatu dapatan atau hasil. Semasa menyampaikan hasil yang dimaksudkan pelajar juga akan melalui proses menstruktur, menggambarkan, membuat ulasan dan menaakul. Ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada pelajar untuk mempersembahkan pembelajaran berasaskan kepada keupayaan mereka tersendiri.
- **Merancang pembelajaran.** Merancang dalam tugas e-portfolio ialah suatu tugas membuat refleksi dan menilai semula apa yang telah dilakukan, apa yang patut dilakukan sebagai penambahbaikan untuk mencapai tahap yang diidamkan.
- **Menilai pembelajaran.** Menilai ialah suatu proses luaran yang bertujuan menilai kembali setiap bahan yang dipersembahkan oleh pelajar.

Jenis-Jenis e-Portfolio

Portfolio Pengajaran (Teaching Portfolio)

- Dokumen maklumat / teknik pengajaran yang terpilih
- Dokum pencapaian/maklumbalas/perkembangan dalam pengajaran
- Bagi seseorang pensyarah/pengajar
- Bukti kesan sesuatu teknik pembelajaran

Portfolio Kursus (Course Portfolio)

- Dokumen maklumat / teknik pengajaran
- Dokumen maklumat / teknik /strategi sesuatu kursus
- Tempoh kursus
- Pengurusan masa pembelajaran sesuatu kursus
- Kaedah berkomunikasi di antara pensyarah dan pelajar
- Perkongsian maklumat dengan pensyarah-pensyarah lain

Portfolio Pelajar (Student Portfolio)

- Dokumen maklumat pembelajaran
- Dokumen maklumat peribadi pelajar
- Perkembangan pembelajaran pelajar
- Refleksipelajar

Contoh e-Portfolio Organisasi Kursus di University Denver

Welcome to the The University of Denver Portfolio

Participant Login:

DU ID (or guest username)

Passcode

Log In

Portfolio Community Resources:
Having trouble with your portfolio? Need some tutorials and user guides?
Have a look at our resources portfolio.
[Resources](#)

[Forgot your Passcode?](#)
[Create a guest account.](#)

Copyright Disclaimer:
By clicking the "Log In" button, you agree to the [DU Portfolio Community Policies](#), and to abide by DU's [Copyright Policy](#).

Featured Portfolios:

 M. Dores Cruz	 Maggie Gaddis
Master's in Development Practice	Melissa Ruckmick
 National Association of Home Builders at DU	 Neivin Shalabi


Search For Participant Portfolios:
 Search

Sumber : <http://www.prm.nau.edu/hammersley/default.htm>

Contoh e-Portfolio Pembelajaran Sains Kimia

An Alternative Approach to General Chemistry: *Addressing the Needs of At-Risk Students with Cooperative Learning Strategies*

Dennis Jacobs
Professor of Chemistry, University of Notre Dame
with **Désirée Pointer, Thomas Hatch and Toru Iiyoshi**
Knowledge Media Lab, Carnegie Foundation for the Advancement of Teaching



Site Overview
Rationale
Implementation
Impact
Site Library


[view introductory video](#)
[email comments on site](#)

Site Overview
This website concisely describes the implementation of the alternative course design. Additionally, it outlines the methodologies I have employed for investigating the impact of the alternative course on "at-risk" students. I have tried to capture the cooperative learning process by videotaping students solving problems in small groups. Interviewing students in focus groups has allowed me to hear where they believe their best learning is taking place. Surveys have measured shifts in student perceptions, attitudes, and study habits across a semester. I have compiled test performance data on thousands of students - both those who have enrolled in the traditional lecture course and those in the redesigned section of General Chemistry. A longitudinal study has followed these students after their first year to examine their success in more advanced science courses and to track their choice of academic majors.

[+ Save to IdeaBank](#)
[Go to my IdeaBank](#)

Sumber : http://gallery.carnegiefoundation.org/collections/castl_he/djacobs/index2.htm

Contoh e-Portfolio Peer Review Teaching Project




Peer Review of Teaching Project
Making Visible the Intellectual Work of Teaching

Home
About the Project
Peer Review Process
Explore Course Portfolios
Books and Resources
External Review
Share Your Portfolio
Carnegie Leadership
Faculty Reaction
Contact Info

The **Peer Review of Teaching Project (PRTP)** provides faculty with a structured and practical model that combines inquiry into the intellectual work of a course, careful investigation of student understanding and performance, and faculty reflection on teaching effectiveness. Begun in 1994, the PRTP has engaged hundreds of faculty members from numerous universities. In 2005, the project was awarded a **TIAA-CREF Theodore M. Hesburgh Award Certificate of Excellence** in recognition of it being an exceptional faculty development program designed to enhance undergraduate student achievement.

We invite you to become part of the national community exploring how to document the intellectual work of postsecondary teaching. This website is designed to serve as an **international repository** for course portfolios written by faculty who teach at postsecondary institutions. You are welcome to archive your course portfolio on this site so that your work can be shared, used, and reviewed by other faculty. You are also encouraged to write a review for any of the course portfolios in the repository.



Sumber :

<http://www.courseportfolio.org/peer/pages/index.jsp?what=rootMenuD&rootMenuId=3>

Proses Menghasilkan e-Portfolio

